



12 Ogos 2022  
12 August 2022  
P.U. (A) 259

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN  
(PINDAAN) 2022

*SALES TAX (AMENDMENT) REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI JUALAN 2018

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 106 Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Pindaan) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Ogos 2022.

**Penggantian peraturan 10**

2. Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018 [*P.U. (A) 203/2018*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan peraturan 10 dengan peraturan yang berikut:

**“Pengemukaan penyata**

10. (1) Suatu penyata yang dibuat di bawah peraturan 9 hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik atau dalam apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Suatu penyata hendaklah disifatkan telah dikemukakan apabila penyata itu telah diterima oleh Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik atau dalam apa-apa cara yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.”.

**Pindaan peraturan 12**

3. Peraturan 12 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Pembayaran cukai jualan berkenaan dengan apa-apa penyata yang dibuat di bawah seksyen 26 Akta, surcaj, penalti, fi atau apa-apa wang lain yang kena dibayar di bawah Akta hendaklah dibuat melalui perbankan elektronik atau dalam apa-apa cara yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.”;

(b) dengan memotong subperaturan (2) dan (3);

(c) dalam subperaturan (4), dengan menggantikan perenggan (a) dan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(a) jika pembayaran dibuat melalui perbankan elektronik, amaun itu hendaklah disifatkan tidak diterima sehingga amaun itu dimasukkan ke dalam kredit Ketua Pengarah; atau

(b) jika pembayaran dibuat dalam apa-apa cara yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah, amaun tersebut hendaklah disifatkan tidak diterima walau apa pun resit diberikan sehingga amaun itu telah dibayar sewajarnya kepada Ketua Pengarah.”; dan

(d) dalam subperaturan (5), dengan memotong perkataan “atau (2)”.

### **Pindaan peraturan 17**

4. Peraturan 17 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam subperaturan (1)—

(a) dalam subperenggan (a)(ii), dengan memasukkan selepas perkataan “barang bercukai itu” perkataan “daripada pengilang berdaftar”; dan

(b) dalam perenggan (g), dengan menggantikan perkataan “selepas pembayaran cukai jualan” dengan perkataan “pembelian”.

Dibuat 12 Ogos 2022

[MOF.TAX(S)700-1/2/26 JLD.5; KE.HF(152)899/04 JLD 2(8); PN(PU2)751/JLD. 7]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ  
*Menteri Kewangan*

SALES TAX ACT 2018

SALES TAX (AMENDMENT) REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by section 106 of the Sales Tax Act 2018 [*Act 806*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Sales Tax (Amendment) Regulations 2022**.

(2) These Regulations come into operation on 15 August 2022.

**Substitution of regulation 10**

2. The Sales Tax Regulations 2018 [*P.U. (A) 203/2018*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by substituting for regulation 10 the following regulation:

**“Furnishing of returns**

10. (1) A return made under regulation 9 shall be furnished to the Director General through electronic service or in any manner as the Director General may determine.

(2) A return shall be deemed to be furnished when such return has been received by the Director General through the electronic service or in any manner as the Director General may determine.”.

**Amendment of regulation 12**

3. Regulation 12 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) Payment of sales tax in respect of any return made under section 26 of the Act, surcharge, penalty, fee or any other money payable

under the Act shall be made by electronic banking or in any manner as the Director General may determine.”;

(b) by deleting subregulations (2) and (3);

(c) in subregulation (4), by substituting for paragraphs (a) and (b) the following paragraphs:

“(a) where payment is made through electronic banking, the amount shall be deemed not to have been received until such amount is lodged to the credit of the Director General; or

(b) where payment is made in any manner as the Director General may determine, the amount shall be deemed not to have been received notwithstanding any receipt given until such amount is duly paid to the Director General.”; and

(d) in subregulation (5), by deleting the words “or (2)”.

#### **Amendment of regulation 17**

4. Regulation 17 of the principal Regulations is amended in subregulation (1)—

(a) in subparagraph (a)(ii), by inserting after the words “the taxable goods” the words “from registered manufacturer”; and

(b) in paragraph (g), by substituting for the words “after payment of sales tax” the word “purchase”.

Made 12 August 2022

[MOF.TAX(S)700-1/2/26 JLD.5; KE.HF(152)899/04 JLD 2(8); PN(PU2)751/JLD. 7]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ  
*Minister of Finance*